



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**PENAHANAN KE ATAS KONTENA YANG DISYAKI MENGANDUNGI BARANG  
DAGANGAN SISA PLASTIK DARI AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA**

---

1. Saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat daripada Sahabat Alam Malaysia pada 12 Mac 2021 berhubung satu kontena dari Los Angeles, Amerika Syarikat, menggunakan agen perkapalan CMA CGM dan pengeksport Sigma Recycling Inc. yang disyaki mengandungi sisa plastik.
2. Kapal tersebut telah berlepas dari Los Angeles pada 14 Februari 2021 dan **dijangka tiba di Pelabuhan Klang pada 22 Mac 2021**. JAS telah menghubungi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Westport Malaysia Sdn. Bhd. dan Unit Kawalan Kontena Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk tindakan penahanan kontena tersebut.
3. Pemeriksaan bersepadu JAS bersama JKDM, LPK, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan dijalankan sejurus kontena tiba di Pelabuhan Klang. JAS selaku *Competent Authority* bagi “kawalan sisa plastik merentas sempadan” di bawah Konvensyen Basel yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2021, mendapati tiada sebarang permohonan pengimportan sisa plastik ini diterima dari negara pengeksport.
4. Saya telah mengarahkan JAS bekerjasama dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat yang berkenaan untuk membanteras kemasukan haram sisa plastik ke Malaysia dari negara tersebut. Saya juga ingin memberi amaran kepada agen pengimport, syarikat kapal dan pengimport yang "bersubahat" dalam mengimport sebarang sisa terutamanya sisa plastik ke Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 43, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tindakan tegas akan diambil jika mereka gagal mematuhi kriteria dan prosedur pengimportan sisa plastik yang telah ditetapkan oleh Malaysia.

- Tamat -

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man**  
Menteri Alam Sekitar dan Air

**20 Mac 2021**